

# JPA fokus bidang kritikal

Tawaran biasiswa ijazah pertama berdasar empat kriteria: TPM

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan menjelaskan tajaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pelajar cemerlang merlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah pertama di dalam dan luar negara, memberi fokus kepada bidang kritikal dan pemilihan berdasarkan empat kriteria.

Bidang kritikal itu termasuk perubatan, pergigian, farmas sains perubatan veterinar, kejuruteraan, sains dan teknologi sert sains sosial, manakala empat kriteria berkenaan meliputi per capaian akademik, pembabitan dalam kegiatan kokurikulum sosioekonomi/latar belakang keluarga dan prestasi temu duga.

Penjelasan itu dibuat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dalam kenyataannya semalam berikuta kekeliruan pelajar dan ibu bapa mengenai kaedah pengurusan dan penawaran biasiswa JPA 2010 bagi pelajar cemerlang l pasan SPM 2009.

LIHAT MUKA

## INFO

### Bilangan penajaan Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) 2010

Melayu	Bumiputera Sarawak	Bumiputera Sabah	Cina	India
<b>8,303</b> mohon	<b>339</b> mohon	<b>301</b> mohon	<b>7,937</b> mohon	<b>1,810</b> mohon
<b>736</b> PILN ditawarkan	<b>128</b> PILN ditawarkan	<b>102</b> PILN ditawarkan	<b>603</b> PILN ditawarkan	<b>161</b> PILN ditawarkan
<b>31</b> PIDN ditawarkan	<b>0</b> PIDN ditawarkan	<b>0</b> PIDN ditawarkan	<b>61</b> PIDN ditawarkan	<b>7</b> PIDN ditawarkan

*Nota: Di samping itu sebanyak 1,900 biasiswa ditawarkan kepada pelajar cemerlang yang tidak terpilih di bawah PILN untuk mengikuti pengajian ke IPT tempatan dan kampus cawangan University of Notthngham, Monash University, Swinburne University Of Technology dan Curtin University serta ke peringkat matrikulasi, asasi, prauniversiti.*